

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 02/03/2022
Edisi / Muka Surat : Nasional / 21
Tajuk : Abdullah CEO baharu ANGKASA

Abdullah CEO baharu Angkasa

PETALING JAYA - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) mengumumkan pelantikan Datuk Abdullah Jusoh sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Angkasa yang baharu, berkuat kuasa pada Selasa.

Abdullah sebelum ini merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Operasi Angkasa pada tahun 2016 dan memegang jawatan sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan mulai 8 Januari 2022.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, pelantikan ini dibuat oleh Lembaga Angkasa selepas Abdullah menunjukkan prestasi dan kebolehan yang amat baik sepanjang berkhidmat di Angkasa sejak tahun 1988.

“Beliau memulakan kerjaya sebagai Penolong Pengarah Audit dan Akaun, Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia pada 1982 hingga 1988. Sepanjang berkhidmat di Angkasa, beliau pernah memegang beberapa jawatan kanan sebagai Timbalan Bendahari Eksekutif Angkasa dari 1988 hingga 2010 dan Pengurus Bahagian Perkhidmatan Kredit dan Perbankan dari 2010 sehingga 2016.

“Perkhidmatan cemerlang Abdullah da-

lam menguruskan Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) telah meningkatkan prestasi dan kecemerlangan perkhidmatan potongan gaji dengan penggunaan teknologi terkini yang mampu memproses data lebih pantas, cekap serta selamat.

“Perkhidmatan cemerlang beliau telah meningkatkan jumlah potongan BPA daripada kutipan potongan sebanyak kira-kira RM750 juta sebulan pada 2010 kepada kira-kira RM1.1 bilion sebulan mulai 2015,” jelas Abdul Fattah dalam satu kenyataan pada Selasa.

Abdullah berkelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia merupakan ahli felo The Institute of Cooperative Management and Auditors (FICMA) dan ahli bersekutu The Institute of Internal Auditors (AIIAM).

Beliau juga berjaya mengubah operasi dan struktur MyAngkasa Holdings Sdn Bhd dan anak-anak syarikat serta menunjukkan perkembangan memberangsangkan.

“Dengan pengalaman luas lebih tiga dekad dalam sektor koperasi, kita percaya beliau akan menerajui dan memperkukuh lagi tadbir urus, operasi dan perkhidmatan dalam memaju dan membangunkan Angkasa dan gerakan koperasi negara,” ujar beliau.



ABDULLAH